

Syarat dan kelayakan bagi Kategori Pemberian Penghargaan

Kategori Penghargaan (Category)	Kriteria Pemberian (Criteria)	Penerangan (Description)
Penghargaan Penerbitan Buku (Recognition for Books Publication)	a. Asas Penghargaan (The recognition)	Penghargaan ini diberikan kepada buku ilmiah asli yang diterbitkan pada peringkat kebangsaan atau antarabangsa (bukan penerbitan UMS) pada tahun 2015 dan memberi impak kepada pembinaan ilmu atau peningkatan taraf hidup manusia sejagat. <i>(This reward is given to original scientific/ academic books published at the national or international level (not UMS publication) in 2015 and has impact on knowledge development or improvement in human well-being)</i>
	b. Bilangan Penerima (Number of Recipient)	Bilangan penerima penghargaan tidak dihadkan dan bergantung kepada kelayakan setiap penyertaan <i>(There is no limit to the number of recipients and is solely base on the fulfillment of the criteria).</i>
	c. Kriteria Tambahan Pemilihan (Additional Criteria for Selection)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Untuk tujuan penghargaan ini, karya ilmiah bermaksud penulisan yang sistematik berasaskan fakta dan hasil penyelidikan yang dianalisis secara kritis melalui penghujahan yang rasional, bukan penulisan kreatif yang ditulis berasaskan imaginasi atau penulisan kewartawanan. Yang dimaksudkan dengan karya asli ialah karya yang ditulis oleh pengarang sendiri atau bersama dengan pengarang lain, dan bukan karya hasil terjemahan, adaptasi, atau yang mempunyai unsur-unsur ciplakan. <i>(Scientific literature means systematic writing based on facts and research findings critically analyzed through rational argument, not a creative writing that was written based on imagination or journalistic writing. Original literature is a literature written by the authos himself or together with other authors, and not the work of a translation or adaptation that have elements of plagiarism).</i> 2. Karya ini mestilah merupakan karya yang berkesinambungan dan integratif sifatnya, bukan koleksi kertas kerja, kompilasi esei atau laporan yang dihasilkan oleh seorang atau beberapa orang penulis atau sebagai penyunting. <i>(Literature must be a work of ongoing and integrative, not a collection of papers, compilations of essays or reports generated by one or more persons as a writer/author or editor).</i> 3. Buku teks yang digunakan untuk pengajaran sahaja dan bukan untuk rujukan umum disiplin berkenaan tidak diambilkira. <i>(Textbooks used solely for teaching purpose and not for general references will not be considered).</i> 4. Hanya penerbitan yang berwasit akan diambilkira. <i>(Only refereed publication will be considered).</i> 5. Penerbitan buku online adalah tidak diterima. <i>(online book will not be considered).</i> 6. Penulis mestilah berkhidmat di UMS semasa penerbitan. <i>(The author must work in UMS during the publication).</i> 7. Sila sertakan buku sebagai bahan bukti. <i>(Please enclose the book as evidence).buku yg lengkap, photocopy dan binding, boleh diterima.</i>
	d. Penghargaan dan Hadiah (Prize and Award)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Diberi sijil penghargaan sahaja. 2. Diberi keutamaan untuk menghadiri persidangan (sebagai pembentang) dengan bantuan kewangan daripada UMS.

Kategori Penghargaan (Category)	Kriteria Pemberian (Criteria)	Penerangan (Description)
Penghargaan Penerbitan Bab Dalam Buku (Appreciation for the Chapter in Books Publication)	a. Asas Penghargaan (The recognition)	<p>Penghargaan ini diberikan kepada bab dalam buku ilmiah asli yang diterbitkan pada peringkat kebangsaan atau antarabangsa (bukan penerbitan UMS) pada tahun 2015 dan memberi impak kepada pembinaan ilmu atau peningkatan taraf hidup manusia sejagat.</p> <p><i>(This award is given to the chapter/s in original scientific/academic books published at national or international level (not UMS publication) in 2015 and has impact on knowledge development or improvement in human's well-being).</i></p>
	b. Bilangan Penerima (Number of Recipient)	<p>Bilangan penerima penghargaan tidak dihadkan dan bergantung kepada kelayakan setiap penyertaan</p> <p><i>(There is no limit to the number of recipients and is solely base on the fulfillment of the criteria).</i></p>
	c. Kriteria Tambahan Pemilihan (Additional Criteria for Selection)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Untuk tujuan Penghargaan ini, karya ilmiah bermaksud penulisan yang sistematik berasaskan fakta dan hasil penyelidikan yang dianalisis secara kritis melalui penghujahan yang rasional, bukan penulisan kreatif yang ditulis berasaskan imaginasi atau penulisan kewartawanan. Yang dimaksudkan dengan karya asli ialah karya yang ditulis oleh pengarang sendiri atau bersama dengan pengarang lain, dan bukan karya hasil terjemahan, adaptasi, atau yang mempunyai unsur-unsur plagiat. Buku yang dimaksudkan mestilah berkesinambungan dan berintegratif. <i>(Scientific literature means systematic writing based on facts and research findings critically analyzed through rational argument, not a creative writing that was written based on imagination or journalistic writing. Original literature is a literature written by the author/himself or together with other authors, and not the work of a translation or adaptation that have elements of plagiarism).</i> 2. Bab yang merupakan sebahagian daripada koleksi kertas kerja, kompilasi esei atau laporan dalam sesebuah buku tidak diambilkira. <i>(Literature must be a work of ongoing and integrative in nature, not a collection of papers, compilations of essays or reports generated by one or more persons as a writer/ author or editor).</i> 3. Hanya penerbitan yang berwasit akan diambilkira. <i>(Only refereed publication will be considered).</i> 4. Penerbitan buku online adalah tidak diterima. <i>(Online book will not be considered)</i> 5. Penulis mestilah berkhidmat di UMS semasa penerbitan. <i>(The author must work in UMS during the publication).</i> 6. Sila sertakan buku sebagai bahan bukti. <i>(Please enclose the book as evidence).</i>
d. Penghargaan dan Hadiah (Prize and Award)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Diberi sijil penghargaan sahaja. 2. Diberi keutamaan untuk menghadiri persidangan (sebagai pembentang) dengan bantuan kewangan daripada UMS. 	

Kategori Penghargaan (Category)	Kriteria Pemberian (Criteria)	Penerangan (Description)
Penghargaan Pembentangan Kertas Kerja Terbaik Persidangan Peringkat Antarabangsa (Appreciation for the Best Paper Presentation at International Conference)	a. Asas Penghargaan (The recognition)	Penghargaan diberikan kepada pembentangan kertas kerja terbaik pada persidangan berstatus antarabangsa. <i>(This reward is given to the recipient of best paper presentation at international conferences).</i>
	b. Bilangan Penerima (Number of Recipient)	Bilangan penerima penghargaan tidak dihadkan dan bergantung kepada penyertaan. <i>(There is no limit to the number of recipients and is solely base on the fulfillment of the criteria).</i>
	c. Kriteria Tambahan Pemilihan (Additional Criteria for Selection)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Hanya pembentangan kertas kerja berstatus antarabangsa sepanjang tahun penilaian 2015 akan diberi Penghargaan. <i>(Only paper work presented at international conferences in 2015 will be considered).</i> 2. Pembentangan kertas kerja dilakukan oleh Ketua Penyelidik atau penyelidik bersama dalam penyelidikan tersebut dan bukan oleh pelajar atau pembantu penyelidik (Research Assistant). <i>(The Paper work must be presented by the principle researcher or co-researcher and not by student or research asisstant).</i> 3. Kertas kerja yang dibentang adalah hasil penyelidikan yang dijalankan di Universiti Malaysia Sabah. <i>(The paper work presented must be a research/study conducted in Universiti Malaysia Sabah).</i> 4. Setiap penyertaan telah mendapat bukti perakuan daripada penganjur. <i>(Each participation has already been certified by the Organizer).</i>
	d. Penghargaan dan Hadiah (Prize and Award)	Diberi sijil penghargaan sahaja.